

**KEBERKESANAN KOMUNIKASI KEPEMIMPINAN RUKUN  
TETANGGA MEMBERI KEPUASAN SERTA KOMITMEN  
DALAM MEMBENTUK PERHUBUNGAN DAN PERPADUAN  
MASYARAKAT**

**DR. HJ.SYDABDUL RAHMAN HJ.SYD ZIN  
DR. ROSLI MOHAMED  
DR. JAMALUDIN MUSTAFFA  
MOHD HILMI HAMZAH**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**2009**

# **KEBERKESANAN KOMUNIKASI KEPEMIMPINAN RUKUN TETANGGA MEMBERI KEPUASAN SERTA KOMITMEN DALAM MEMBENTUK PERHUBUNGAN DAN PERPADUAN MASYARAKAT**

## **Abstrak**

Terdapat empat objektif utama dalam kajian ini, iaitu persepsi komuniti setempat terhadap stail komunikasi kepemimpinan (bertimbang rasa, keterbukaan, memberi sokongan dan penyertaan) Rukun Tetangga. Keduaanya, mengenal pasti dimensi stail komunikasi kepemimpinan Rukun Tetangga yang paling berkesan mempengaruhi kepuasan dan komitmen (empati, berwawasan, berpasukan dan perkongsian) komuniti setempat. Ketiganya, kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman di dalam menjana keberkesanan komunikasi kepemimpinan Rukun Tetangga dari kacamata komuniti setempat. Keempat, perubahan yang boleh dilakukan bagi memperkasa semangat kerja yang dinamik dan efektif di kalangan Rukun Tetangga. Kajian ini dijalankan di kalangan komuniti setempat Rukun Tetangga di seluruh Semenanjung Malaysia. Dalam kajian ini, stail komunikasi kepemimpinan menjadi angkuabah bebas, manakala kepuasan dan komitmen menjadi angkuabah bersandar. Data dalam kajian ini diperolehi daripada 2,716 responden, terdiri daripada komuniti setempat dalam Rukun Tetangga. Bagi tujuan penganalisan data untuk kajian ini, Kaedah Analisis Deskriptif digunakan. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara stail komunikasi kepemimpinan bertimbang rasa, keterbukaan, memberi sokongan dan penyertaan dengan kepuasan dan stail komunikasi kepimpinan empati, berwawasan, berpasukan dan perkongsian dengan komitmen dalam Rukun Tetangga. Secara keseluruhannya, dari perseptif kepuasan komunikasi kepemimpinan ini mendapati elemen keterbukaan adalah yang tertinggi. Manakala elemen memberi sokongan merupakan elemen yang terendah. Secara keseluruhan terhadap keempat-empat aspek, didapati komitmen, empati merupakan aspek yang tertinggi. Manakala aspek terendah adalah berpasukan. Persepsi terhadap aktiviti RT, didapati item pendidikan tidak formal merupakan item tertinggi. Manakala item terendah adalah rekreasi Tai Chi. Di samping itu, item berjaya menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan merupakan item tertinggi. Manakala item terendah adalah berjaya mewujudkan rasa kekitaan yang tulen. Di samping itu, hasil kajian ini juga mendapati terdapat perbezaan persepsi komuniti setempat terhadap stail komunikasi kepemimpinan dalam Rukun Tetangga berdasarkan faktor jantina, umur, bangsa, jenis kediaman rumah, kelulusan dan juga penglibatan dalam aktiviti Rukun Tetangga. Kajian ini seterusnya mencadangkan, pemahaman serta pendedahan terhadap stail komunikasi kepemimpinan dalam Rukun Tetangga khasnya Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional pada amnya perlu diberikan sama ada melalui bahan bacaan, kursus, latihan, modul stail komunikasi kepemimpinan dengan meminta pandangan pakar serta konsultan yang bertauliah. Ini perlu dilakukan serta diselaraskan untuk meningkatkan kepuasan dan komitmen terhadap projek atau program Rukun Tetangga.

# **RUKUN TETANGGA LEADERSHIP'S COMMUNICATION EFFECTIVENESS GRATIFY AND COMMITMENT IN SHAPING RELATIONSHIP AND UNITED SOCIETY**

## **Abstract**

Have been four main objective in this study, namely local community perception on communication style leadership (considerate, openness, give support and participation) Rukun Tetangga. Secondly, identify style dimension Rukun Tetangga leadership's communication most effective influence and commitments satisfaction (empathy, vision, team and partnership) local community. Thirdly, strength, weakness, opportunity and threat in generate Rukun Tetangga leadership's communication effectiveness from local community spectacle. Fourth, change could be made to strengthen dynamic and effective work spirit among Rukun Tetangga. This study is conducted among Rukun Tetangga's local community over Malaysia Peninsular . In this study, communication style leadership becomes independent variable, while and commitments satisfaction be variable dependent. Data in this study achieved of 2,716 respondent, constitute Rukun Tetangga's inside local community. Of data analysis objective to this study, Descriptive Analysis Method used. This study findings show found significant relationship between considerate leadership communication style, openness, give support and participation with communication satisfaction and style empathy leadership, with vision, team and partnership with Rukun Tetangga's inside commitment. Like his total, from perceptive communication satisfaction this leadership found openness element was highest. While element give support is lowest element. Overall on all four aspect, found commitment, empathy is highest aspect. While lowest aspect are teaming. Perception on RT's activity, found item informal education is item highest. While item lowest is Tai Chi's recreation. At the same time ,item successfully mould citizenship values is item highest. While item lowest is successfully created genuine belonging sense. At the same time, these survey results also found found local community perception difference on inside leadership communication style Rukun Tetangga bases on gender factor, age, race, house type of residence, approval and also involvement in activity Rukun Tetangga. This study further proposed understanding and exposure on inside leadership communication style Rukun Tetangga especially National Unity and Integration Department generally should be given whether through reading material, course, training, style module leadership communication with ask accredited specialist's view and consultant. This should be done and adjusted to increase and commitments satisfaction on project or Rukun Tetangga's programme.